

Perkembangan Sistem Ejaan Jawi Tradisi Abad Ke-20 Hingga Kini

Norhafiza Alias^{1*}, Adi Yasran Abdul Aziz¹ dan Wan Muhammad Wan Sulong²

¹Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

²Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Sistem ejaan Jawi Tradisi ialah sistem ejaan lama yang tidak boleh diklasifikasikan sebagai ejaan Lazim atau ejaan Mengikut Hukum. Sistem ejaan ini berasaskan penggunaan baris, walaupun tanda baris tidak diletakkan. Penguasaan sistem ejaan Jawi Tradisi sangat penting kerana sistem ejaan tersebut banyak terdapat dalam manuskrip Melayu klasik. Kajian tentang sistem ejaan Jawi bukanlah sesuatu yang baharu, namun kajian sebelum ini tidak menyentuh tentang perkembangan sistem ejaan Jawi Tradisi pada abad ke-20 hingga kini. Oleh itu, bagi menampung lompong tersebut, kajian ini akan menjelaskan sistem ejaan Jawi Tradisi dalam naskhah Surat-surat Sultan Zainal Abidin III (SSZA III) yang ditulis pada awal abad ke-20 dan perbandingannya dengan *Kamus-Jawi-Melayu-Inggeris* Wilkinson (Kamus Wilkinson) serta perkembangannya berdasarkan *Daftar Ejaan Rumi-Jawi Za'ba* (Ejaan Jawi Za'ba) dan *Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi* (DKBM) Dewan Bahasa dan Pustaka. Kamus Wilkinson mewakili ejaan Jawi awal abad ke-20, Ejaan Jawi Za'ba mewakili ejaan Jawi pertengahan abad ke-20 dan DKBM mewakili ejaan Jawi akhir abad ke-20 dan kini. Kajian ini menggunakan kaedah analisis perbandingan. Ejaan Jawi dalam SSZA III telah dijadikan sebagai asas perbandingan kerana surat-surat ini merupakan satu-satunya naskhah asli bertulisan tangan. Hasil kajian ini mendapati bahawa perkataan-perkataan yang menggunakan ejaan Jawi Tradisi dalam SSZA III kebanyakannya masih dikekalkan sehingga sekarang. Hal ini menunjukkan bahawa ejaan Jawi Tradisi merupakan sistem ejaan yang telah mantap penggunaannya dan tidak perlu diubah lagi.

Kata kunci: Tulisan Jawi, ejaan Tradisi, manuskrip, bahasa Melayu, surat Sultan Zainal Abidin III

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

fiza_tm@yahoo.com (Norhafiza Alias),

adiyasran@gmail.com (Adi Yasran Abdul Aziz),

wanmuhdwsulong@gmail.com (Wan Muhammad Wan Sulong)

*Penulis penghubung

Perkembangan Sistem Ejaan Jawi Tradisi Abad Ke-20 Hingga Kini

ABSTRACT

Sistem ejaan Jawi Tradisi ialah sistem ejaan lama yang tidak boleh diklasifikasikan sebagai ejaan Lazim atau ejaan Mengikut Hukum. Sistem ejaan ini berasaskan penggunaan baris, walaupun tanda baris tidak diletakkan. Penguasaan sistem ejaan Jawi Tradisi sangat penting kerana sistem ejaan tersebut banyak terdapat dalam manuskrip Melayu klasik. Kajian tentang sistem ejaan Jawi bukanlah sesuatu yang baharu, namun kajian sebelum ini tidak menyentuh tentang perkembangan sistem ejaan Jawi Tradisi pada abad ke-20 hingga kini. Oleh itu, bagi menampung lompang tersebut, kajian ini akan menjelaskan sistem ejaan Jawi Tradisi dalam naskhah Surat-surat Sultan Zainal Abidin III (SSZA III) yang ditulis pada awal abad ke-20 dan perbandingannya dengan Kamus-Jawi-Melayu-Inggeris Wilkinson (Kamus Wilkinson) serta perkembangannya berdasarkan Daftar Ejaan Rumi-Jawi Za'ba (Ejaan Jawi Za'ba) dan Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi (DKBM) Dewan Bahasa dan Pustaka. Kamus Wilkinson mewakili ejaan Jawi awal abad ke-20, Ejaan Jawi Za'ba mewakili ejaan Jawi pertengahan abad ke-20 dan DKBM mewakili ejaan Jawi akhir abad ke-20 dan kini. Kajian ini menggunakan kaedah analisis perbandingan. Ejaan Jawi dalam SSZA III telah dijadikan sebagai asas perbandingan kerana surat-surat ini merupakan satu-satunya naskhah asli bertulisan tangan. Hasil kajian ini mendapati bahawa perkataan-perkataan yang menggunakan ejaan Jawi Tradisi dalam SSZA III kebanyakannya masih dikekalkan sehingga sekarang. Hal ini menunjukkan bahawa ejaan Jawi Tradisi merupakan sistem ejaan yang telah mantap penggunaannya dan tidak perlu diubah lagi..

Keywords: Tulisan Jawi, ejaan Tradisi, manuskrip, bahasa Melayu, surat Sultan Zainal Abidin III

PENGENALAN

Sistem ejaan Jawi yang berkembang dari semasa ke semasa menyebabkan berlaku penambahbaikan dalam sistem ejaan Jawi terkini. Sehingga kini, buku *Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi* Edisi kedua, (DKBM) yang diterbitkan pada tahun 2008, didapati masih mengalami perubahan dari segi ejaannya, terutama ejaan vokal. Hal ini berlaku kerana terdapat dua sistem ejaan bagi bunyi vokal, iaitu ejaan yang menggunakan huruf vokal (sistem pengabjadan vokal) dan ejaan yang tidak menggunakan huruf vokal (sistem baris). Bagi menyelesaikan masalah ini, prinsip ejaan Jawi Za'ba masih digunakan sehingga sekarang, iaitu prinsip ekonomi (menggunakan huruf yang minimum), kepastian (mudah dibaca) dan ramai pengguna (Mohd Hussein, 2002).

Menurut Khazriyati (2012), pada masa kini Jawi boleh dianggap sebagai satu tulisan yang semakin dipinggirkan oleh sebahagian besar rakyat Malaysia (*Utusan Malaysia*, 15 Januari, 2011; Mahpol, 2002). Ekoran daripada itu, tulisan Jawi ini jarang digunakan malahan ada sesetengah masyarakat Melayu yang memang buta Jawi. Oleh sebab itu, kajian tentang sistem ejaan Jawi dalam manuskrip Melayu agak kurang dilakukan oleh pengkaji dewasa ini, terutamanya dalam surat raja-raja Melayu. Walaupun ada kajian yang dilakukan antaranya Hashim Musa (2006) yang membuat kajian tentang sejarah perkembangan dan pemvokalan tulisan Jawi dalam surat raja-raja Melayu, kitab dan hikayat, namun kajian

ini tidak menyatakan tentang perkembangan sistem ejaan Jawi dalam SSZA III yang dianggap mewakili sebahagian daripada ejaan Jawi awal abad ke-20. Menyedari hakikat ini, kajian ini akan membincangkan secara rinci tentang sistem ejaan Jawi yang terdapat dalam manuskrip Surat Sultan Zainal Abidin III, iaitu Sultan Terengganu yang memerintah pada tahun 1881 hingga 1918 (Mohamed Anwar, 2011).

Surat Sultan Zainal Abidin III ini merupakan surat rasmi yang asal dan bukan salinan. Ia menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Surat Sultan Zainal Abidin III ini menjadi bukti kepada kerajaan negeri Terengganu yang bertamadun dan berdaulat. Hal ini berbeza dengan manuskrip dalam bentuk kitab kerana sistem ejaan Jawi yang digunakan di dalam kitab tidak terikat dengan sistem ejaan tertentu kerana sistem ejaannya ditentukan sendiri oleh pengarang atau penyalin. Sistem ejaan Jawi yang digunakan dalam kitab juga tidak melibatkan kepentingan sesebuah negeri malahan hanya mewakili pihak individu sahaja. Justeru, SSZA III ini sangat sesuai dijadikan bahan kajian kerana ia mewakili cara penulisan dan ejaan yang digunakan oleh kerajaan Terengganu pada awal abad ke- 20.

Surat Sultan Zainal Abidin III ini telah diperolehi daripada arkib Malaysia cawangan negeri Terengganu. Oleh itu sebanyak sembilan pucuk surat Sultan Zainal Abidin III telah dipilih secara rawak bagi membuat analisis terhadap sistem ejaan Jawinya. Setelah dianalisis, didapati Surat Sultan Zainal Abidin III ini belum lagi ditransliterasikan sepenuhnya dalam tulisan Rumi. Justeru itu, ini mendorong pengkaji untuk melakukan kajian terhadap Surat Sultan Zainal Abidin III.

Pada pengamatan pengkaji, SSZA III ini mengandungi gaya penulisan dan sistem ejaannya yang tersendiri. Oleh itu, usaha untuk mentransliterasikan SSZA III daripada Jawi kepada Rumi telah dibuat bagi memudahkan kajian dilakukan. Hasil transliterasi yang dibuat, didapati masih banyak ejaan Tradisi digunakan. Oleh itu, pengkaji akan membuat analisis tentang sistem ejaan Jawi Tradisi yang digunakan dalam SSZA III. Oleh sebab pada awal abad ke-20 didapati tiada panduan khusus yang boleh dijadikan pedoman bagi sistem ejaan Jawi, maka kajian ini akan menganalisis sistem ejaan Jawi pada zaman tersebut berdasarkan SSZA III dan perbandingannya dengan ejaan Jawi Wilkinson serta perkembangannya berdasarkan Za'ba dan DKBM.

EJAAN TRADISI

Ejaan Tradisi ialah sistem ejaan yang berasaskan penggunaan sistem baris, tidak kira sama ada tanda baris itu diletakkan atau tidak diletakkan, dan tidak diklasifikasikan sebagai ejaan Lazim atau ejaan Mengikut Hukum (Adi Yasran, 2010). Menurut Za'ba perkataan-perkataan Melayu terbahagi kepada dua bahagian. Pertama perkataan yang sudah tetap ejaannya mengikut peraturan-peraturan ejaan Jawi, iaitu wajib dieja mengikut peraturan yang dinyatakan contohnya kaedah baris seperti perkataan *segala* dieja لڤسڤا dan kaedah saksi/vokal seperti perkataan *jatuh* dieja جاتوڤ. Kedua perkataan yang tidak ada peraturan, iaitu yang terkecuali daripada mengikut peraturan ejaan Jawi kerana tidak ada pihak yang menetapkan peraturan pada sistem ejaan Jawi tersebut. Peraturan ejaan Jawi yang dimaksudkan ialah peraturan yang menetapkan ejaan Jawi yang terdiri daripada dua kaedah iaitu *kaedah saksi* dan *kaedah baris*. Namun begitu, tidak semua perkataan Melayu mengikut ketetapan peraturan tersebut, kerana adanya beberapa kekecualian dan

ada sesetengah perkataannya yang belum diklasifikasikan daripada mana-mana peraturan (Asmah, 2009).

Menurut Za'ba dalam Asmah 2009 lagi, ejaan yang terkecuali daripada peraturan ejaan Jawi ialah 'Ejaan Tua' yang sudah tetap dan mantap atas rupa asal, dan tidak boleh diubah walaupun bertentangan dengan peraturan ejaan Jawi sekarang ini. Ejaan Tua ialah ejaan yang tidak mengikut mana-mana sistem ejaan kerana penggunaannya sudah mantap dan difahami semua pengguna. Berdasarkan penerangan Za'ba dapat dirumuskan ejaan Tua ini hampir sama dengan ejaan Tradisi kerana pengekalannya ejaan yang tidak diubah dan sudah mantap. Antara 'ejaan Tua' yang dinyatakan oleh Za'ba adalah seperti pada Jadual 1 berikut:

Jadual 1
Contoh Perkataan yang Dinyatakan Sebagai Ejaan Tua

Ejaan Jawi	Rumi	Jawi	Rumi
دان	dan	دي	dia
ايت	itu	سوات	suatu
اين	ini	اوله	oleh
مك	maka	بوله	boleh
فد	pada	سكل	segala
كفد	kepada	تتكلم	tatkala
درفد	daripada	اڤاكل	apakala
جك	jika	اڤايل	apabila
جكالو	jikalau	برمول	bermula
سڤرت	seperti	ڤول	pula
سرت	serta	هينڠك	hingga
اي	ia	كمدين	kemudian
دمكين	demikian	كرنيا	kurnia
مدهمدهن	mudah-mudahan	انڤرہ	anugerah
ملينكن	melainkan	سڤمڤرن	sempurna
هلبالڠ	hulubalang	مأنسي	manusia
بڠندا	baginda	-	-

Kesemua perkataan di atas sudah ditetapkan dan tidak boleh diubah lagi kerana kebanyakan masyarakat menulisnya dengan ejaan yang sedemikian dari dulu hingga sekarang. Tambahan pula, hal tersebut tidak menimbulkan kesukaran kepada masyarakat kerana masyarakat sudah kenal dan tahu untuk membacanya (Asmah, 2009). Oleh itu, secara prinsipnya Ejaan Tradisi dan Ejaan Tua adalah sama, iaitu menggunakan sistem baris sekurang-kurangnya pada satu suku katanya kecuali perkataan 'dan'. Perkataan ini merupakan satu-satunya contoh perkataan yang mengandungi satu suku kata sahaja. Walaupun ejaan 'Tua', namun perkataan 'dan' boleh dikategorikan sebagai kekecualian ejaan Lazim seperti kata ekasuku yang bermula dengan wau seperti 'wang', 'wau', 'wan', 'wak' dan sebagainya.

Namun begitu, kata *beza* yang dieja بيدا dan *milik* yang dieja ميلميق tidak pula dianggap sebagai ejaan Tradisi walaupun ejaan tersebut telah dikecualikan sekian lama kerana

pengekalan ejaan tersebut hanya melibatkan huruf konsonan sahaja. Perbezaan sistem ejaan konsonan perlu dibincangkan secara berasingan berdasarkan sumber kata tersebut. Dalam hal ini, perkataan ‘beza’ bolehlah dianggap sebagai perkataan Melayu yang menerima pengaruh Arab, manakala perkataan ‘milik’ pula ialah kata serapan Arab yang menerima pengaruh Melayu.

EJAAN YANG DIKEKALKAN

Ejaan kekal ialah ejaan Tradisi yang masih dikekalkan sehingga sekarang ini atas sebab-sebab tertentu. Mohd Hussein (2002), menyatakan bahawa Za’ba merumuskan dalam sistem ejaan Jawinya itu berasaskan kepada tiga prinsip, iaitu:

- i. Ekonomi
Ejaan yang menggunakan semimumimum bilangan huruf.
- ii. Kepastian
Jika ejaan itu menimbulkan kesamaran sebutan maka hendaklah diubah suai ejaannya supaya mengurangkan kesamaran.
- iii. Ramai pengguna
Jika satu perkataan itu terdapat kelainan ejaan dan ramai penggunaannya serta tidak menimbulkan sebarang kesamaran sebutan, maka boleh guna dipakai kedua-dua ejaan tersebut terpujang kepada pengguna untuk membuat pilihan.

Maksud prinsip ekonomi di atas ialah ejaan yang pada asalnya menggunakan kaedah baris dan dikekalkan penggunaannya tanpa baris serta tidak pula menimbulkan kesukaran sebutan, seperti ejaan Jawi untuk perkataan ‘maka’, ‘pada’, ‘kepada’, ‘daripada’, dan lain-lain. Prinsip kepastian pula bermaksud jika sesuatu ejaan yang menggunakan kaedah baris itu mengelirukan, maka ia diberikan huruf saksi/vokal supaya lebih jelas bunyinya. Manakala yang dimaksudkan dengan prinsip ramai pengguna pula ialah pendirian Za’ba untuk menerima ejaan kebiasaan yang lazim walaupun tidak selaras dengan sistem. Pendirian itu dinyatakan oleh Za’ba (1949, 12) seperti berikut:

“Mana ejaan yang lebih ramai orang menulisnya itulah yang lebih betul; yang kurang ramai itu betul juga tetapi kurang- iaitu sekadar mana kurang ramainya sekadar itulah pula kurang betulnya. Akhirnya anak cucu kita yang kemudian akan tetap sendiri mengikut pihak yang lebih ramai itu. Maka pada masa itu kelak itulah yang betul, yang lain-lain salah.”

Za’ba juga menyatakan bahawa ejaan Jawi yang sudah tetap dan telah lama digunakan oleh orang ramai tidak perlu diubah lagi. Ia harus diikuti oleh para pembina bahasa sekarang ini, baik dari segi ejaan mahupun mana-mana aspek bahasa yang lain.

Berdasarkan Pedoman Ejaan Jawi Bahasa Melayu (1996), terdapat 16 senarai perkataan yang dikecualikan daripada beberapa aturan pengejaan tulisan Jawi sepertimana pada

Jadual 2, iaitu:

Jadual 2
Senarai Contoh Perkataan yang Dikecualikan daripada Aturan

Pengejaan Tulisan Jawi

Bil.	Rumi	Jawi
1.	ada	اد
2.	apa	اف
3.	beta	بيت
4.	bin	بن
5.	binti	بيت
6.	dari	دري
7.	daripada	درشد
8.	ia	اي
9.	ini	اين
10.	itu	ايت
11.	jika	جک
12.	kepada	کفد
13.	kita	کيت
14.	lima	ليم
15.	maka	مک
16.	pada	فد

Dalam Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi Sebutan-Jawi Edisi Kedua 2008 (DKBM) pula, terdapat 15 contoh perkataan yang dikecualikan daripada beberapa aturan pengejaan tulisan Jawi. Lihat contoh pada Jadual 3 di bawah:

Jadual 3
Contoh Perkataan yang Dikecualikan dalam Pengejaan Tulisan Jawi

Bil.	Rumi	Jawi
1.	ada	اد
2.	apa	اف
3.	beta	بيت
4.	dari	دري
5.	daripada	درشد
6.	ia	اي
7.	ini	اين
8.	itu	ايت
9.	jika	جک
10.	kepada	کفد
11.	kita	کيت
12.	lima	ليم

13.	maka	مک
14.	pada	فد
15.	demikian	دمکين

Jika dilihat pada PEJYD dan DKBM istilah yang digunakan adalah bukan ‘ejaan Tradisi’ tetapi perkataan yang *dikecualikan daripada beberapa aturan pengejaan tulisan Jawi*. Walaupun tidak dinamakan ejaan Tradisi, namun sebagai menggantikan istilah ejaan Tua Za’ba dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran, istilah ejaan Tradisi telah digunakan secara meluas termasuklah dalam kajian ini.

Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi 2008 (DKBM) merupakan hasil penambahbaikan daripada DKBM (2006). Jika dilihat pada Jadual 2 dan 3 telah berlaku penambahan perkataan *demikian* dalam DKBM (2008), namun masih ada lagi perkataan yang tidak disenaraikan tetapi patut disenaraikan seperti *iaitu, manusia, manusiawi, dia, syurga* dan *di*. Perkataan *bin* dan *binti* pula perlu dikeluarkan daripada senarai ejaan Tradisi kerana tidak memenuhi syarat kata Melayu jati dan perkataan tersebut merupakan kata bahasa Arab begitu juga perkataan *apa* yang dieja اءف dan *ada* yang dieja اد perlu dikeluarkan dalam senarai ejaan Tradisi kerana perkataan *apa* termasuk dalam Hukum Luar Derlung manakala *ada* termasuk dalam Hukum Derlung. Berikut adalah Jadual 4 yang menyenaraikan perkataan yang patut dikekalkan dan diklasifikasikan dalam Ejaan Tradisi.

Jadual 4
Ejaan Tradisi yang Dikekalkan

Bil.	Rumi	Jawi
1.	beta	بيت
2.	syurga	شرک
3.	di	د
4.	dia	دي
5.	dari	دري
6.	daripada	درفد
7.	ia	اي
8.	ini	اين
9.	itu	ايت
10.	jika	جک
11.	kepada	کفد
12.	kita	کيت
13.	lima	ليم
14.	maka	مک
15.	pada	فد
16.	demikian	دمکين
17.	manusia	ماءنسي
18.	manusiawi	ماءنسيواي
19.	iaitu	ياءيت

Walau bagaimanapun, jika didapati ada lagi ejaan berasaskan penggunaan sistem baris, tidak kira sama ada tanda baris itu diletakkan atau tidak diletakkan dan terkecuali daripada ejaan Lazim serta ejaan Mengikut Hukum maka ejaan sedemikian juga boleh dianggap sebagai ejaan Tradisi dengan syarat ia ialah ejaan lama. Oleh yang demikian, berdasarkan analisis yang dibuat terdapat 12 perkataan ejaan Tradisi yang dikekalkan dalam SSZA III. Berikut adalah Jadual 5 yang menyenaraikan Ejaan Tradisi yang dikekalkan dalam SSZA III:

Jadual 5
Ejaan Tradisi yang Dikekalkan dalam SSZA III

Bil.	Rumi	Jawi
1.	beta	بيت
2.	dari	دري
3.	daripada	درفد
4.	ini	اين
5.	itu	ايت
6.	jika	جك
7.	kepada	كد
8.	maka	مك
9.	pada	قد
10.	demikian	دمكين
11.	iaitu	ياءيت
12.	di	د

Seterusnya, berdasarkan SSZA III yang dianalisis, pengkaji mendapati bahawa ada perkataan yang dieja dengan sistem Ejaan Tradisi tetapi kini telah berubah kepada Ejaan Lazim dan Ejaan Mengikut Hukum dalam sistem ejaan DKBM.

EJAAN YANG BERUBAH

Ejaan yang berubah ialah ejaan asalnya ejaan Tradisi, tetapi telah berubah menjadi ejaan Lazim atau Mengikut Hukum.

Perubahan Ejaan Tradisi Kepada Ejaan Lazim

Perubahan ejaan Tradisi kepada ejaan Lazim berlaku apabila huruf vokal ditambah ke dalam ejaan Tradisi yang menjadikannya ejaan Lazim.

Berdasarkan SSZA III, berikut adalah contoh-contoh perkataan yang dieja mengikut ejaan Tradisi tetapi telah berubah menjadi ejaan Lazim dalam DKBM.

Jadual 6

Contoh Perubahan Perkataan daripada Ejaan Tradisi kepada Ejaan Lazim

Bil.	Rumi	SSZA III	Wilkinson	Za'ba	DKBM
1.	jajahan	ججاهن	جاجه	ججاهن	جاجهن
2.	ke hadapan	كهدفن	هادف	هادف	هادفن
3.	mulia	مليا	مليا	مليا	موليا
4.	buah	بوه	بوه	بواه	بواه
5.	satu	ساة	ساتو	ساتو	ساتو
6.	dan	دان	دان	دان	دان
7.	suatu	سواة	سوات	سواتو	سواتو
8.	buah	بوه	بوه	بواه	بواه
9.	perintahan	فرنتاهن	قرنته	قرنتاهن	قرنته
10.	serta	سرة	سرت	سرت	سرتا
11.	selama-lamanya	سلماان	لام	سلام سلما	سلاما
12.	melainkan	ملينكن	ملاينكن	ملينكن	ملاءينكن
13.	cinta	چنتا	چتا	چينتا چنتا	چينتا
14.	kebajikan	كيجكن	-	-	كجاجين
15.	beroleh	بروله	-	بروله	براوليه
16.	mudah-mudahan	مداهن	موده	موداهن / موده	موده-مودهن
17.	menyatakan	مپتانكن	پات	مپتانكن	مپتانكن
18.	berdukacita	بردوك چيتاله	دوك	دوكچيتا	بردوكاچيتا
19.	keluar	كلور	كلور	كلوار	كلوار
20.	pinjam	فنجم	فتجم	فنينجم	فنينجم
21.	kena	كن	كنا	كنا	كنا
22.	berjumpa	برجمفا	جمف	جمفا / جومفا	برجومفا

Berdasarkan Jadual 6, ternyata ejaan Tradisi yang digunakan bagi mengeja perkataan dalam SSZA III ini ada yang mengalami perubahan ejaan. Begitu juga ejaan dalam Kamus Wilkinson dan Za'ba yang turut mengalami perubahan. Perubahan ini berlaku kerana ejaan lama yang menggunakan sistem baris seperti perkataan dalam Jadual 6 telah ditambah dengan huruf saksi/vokal sama ada huruf *alif* (ا), *wau* (و) ataupun *ya* (ي) dalam DKBM. Walau bagaimanapun, masih banyak ejaannya yang terus kekal dengan ejaan yang sama sehingga hari ini. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih ada kesinambungan antara keempat-empat sistem ejaan tersebut.

Seterusnya, jika dilihat pada sistem ejaan yang digunakan dalam SSZA III, terdapat suku kata terbuka dan suku kata tertutup yang tidak diletakkan lambang saksi/vokal kerana penulisnya telah mengeja mengikut sistem baris yang telah diguna pakai oleh ramai pengguna dan sudah difahami oleh masyarakat pada masa itu. Namun begitu, perubahan ejaan telah berlaku terhadap beberapa perkataan tersebut. Hal ini demikian kerana, sistem ejaan yang digunakan dalam DKBM telah menambah vokal pada semua suku kata terbuka mahupun suku kata tertutup kecuali pada bunyi vokal e pepet di tengah kata, bunyi /a/ dalam suku kata tertutup kecuali jika berlaku homograf, bunyi /a/ dalam suku kata yang bermula dengan *wau* seperti kata *wau* yang dieja و او dan pada perkataan *dan* yang dieja دان.

Dalam SSZA III, contoh perubahan daripada ejaan Tradisi kepada ejaan Lazim boleh dilihat pada perkataan *kena*. Vokal *alif* tidak diletakkan pada suku kata akhir terbuka perkataan *kena* (كن) kerana suku kata tersebut masih menggunakan sistem baris dan ejaan tersebut tidak boleh diklasifikasikan dalam ejaan Lazim ataupun ejaan Mengikut Hukum. Oleh sebab itu, ejaan yang digunakan dalam SSZA III diklasifikasikan dalam jenis ejaan Tradisi. Penggunaan sistem ejaan Tradisi ini menimbulkan dua sebutan sama ada *kan* atau *ken*. Oleh itu, untuk mengelakkan kekeliruan maka huruf *alif* telah ditambah pada suku kata akhir terbuka *kena*. Dengan itu, perkataan *kena* telah dieja dengan كنا dan menyebabkan ia berubah menjadi ejaan Lazim. Ejaan كنا telah digunakan sejak zaman ejaan Kamus Wilkinson dan ejaan Jawi Za'ba lagi dan diteruskan penggunaannya dalam DKBM. Ejaan ini mematuhi prinsip ejaan Jawi Za'ba, iaitu prinsip kepastian. Prinsip ini digunakan apabila ada ejaan yang menimbulkan kesamaran kepada pengguna dan ejaannya perlu diubah bagi mengelakkan kekeliruan sebutan dan maknanya. Oleh sebab itu, ejaan كنا dikekalkan sehingga sekarang dan diguna pakai oleh semua masyarakat.

Penambahan vokal *ya* pula boleh dilihat pada perkataan *pinjam*. Perkataan *pinjam* yang dieja فنجم telah digunakan dalam SSZA III dan Wilkinson. Hal ini menunjukkan ejaan dalam SSZA III dan ejaan Kamus Wilkinson masih menggunakan ejaan lama iaitu, ejaan sistem baris yang penggunaannya masih difahami oleh masyarakat pembaca Jawi pada zaman itu. Pada ejaan Jawi Za'ba dan DKBM penambahan huruf vokal *ya* telah berlaku pada suku kata awal tertutup yang dieja فينجم bagi menggantikan sistem baris bawah yang telah dihilangkan lambangnya. Perubahan ejaan yang berlaku dalam ejaan Jawi Za'ba dan DKBM dapat membantu generasi sekarang yang kurang mahir membaca Jawi untuk membaca perkataan tersebut dengan betul. Selanjutnya, penggunaan vokal *wau* bagi menggantikan sistem baris depan pula terdapat pada perkataan *satu*. Dalam SSZA III, penulis telah mengejanya dengan ساة yang masih ada pengaruh penulisan bahasa Arab. Namun dalam ejaan Kamus Wilkinson, ejaan Jawi Za'ba dan DKBM ia telah dieja dengan ساتو. Ini bermakna ejaan dalam SSZA III menggunakan ejaannya sendiri dan tidak mengikut mana-mana ejaan walaupun pada ejaan Kamus Wilkinson sudah memakai huruf *ta maftuhah* (ت) yang diikuti oleh *wau*. Vokal *wau* ditambah bagi menggantikan sistem baris depan. Penambahan vokal *wau* dalam suku kata akhir terbuka itu telah menjadikannya sebagai ejaan lazim.

Dalam SSZA III, perkataan *jajahan* telah dieja ججاهن sama seperti ejaan Jawi Za'ba, manakala dalam ejaan Kamus Wilkinson perkataan tersebut dieja mengikut kata dasar *jajah* yang dieja جاجه. Hal ini menunjukkan ejaan Jawi Za'ba telah mengikut sistem ejaan dalam SSZA III yang meletakkan vokal *alif* pada suku kata kedua walaupun vokal *alif* pada suku kata kedua itu digugurkan dalam ejaan DKBM. Ejaan yang digunakan dalam SSZA III dan ejaan Jawi Za'ba ini tidak boleh digolongkan dalam ejaan Lazim ataupun ejaan Mengikut Hukum kerana tidak memenuhi syarat sistem ejaan tersebut. Oleh sebab itu, ejaan ini diklasifikasikan dalam ejaan Tradisi. Dalam DKBM pula perkataan *jajahan* dieja berdasarkan kata dasar. Kata dasar perkataan tersebut ialah *jajah* yang dieja جاجه sama ejaannya dengan ejaan Kamus Wilkinson manakala ejaan bagi perkataan *jajahan* dieja dengan جاجهن. Hal ini menunjukkan sistem ejaan Kamus Wilkinson dan DKBM mempunyai persamaan iaitu, meletakkan lambang vokal pada suku kata pertama terbuka /a/. Oleh sebab adanya penambahan vokal pada suku kata pertama, maka ejaan جاجه/جاجهن ini diklasifikasikan dalam ejaan lazim.

Begitu juga dengan perkataan *berjumpa* yang dieja برجمفا dalam SSZA III. Pada suku kata kedua ejaannya masih menggunakan sistem baris manakala pada suku kata akhir ejaannya telah diletakkan huruf vokal *alif*. Dalam ejaan Kamus Wilkinson hanya terdapat kata dasar *jumpa* yang dieja menggunakan ejaan sistem baris sepenuhnya seperti جمف. Hal ini menunjukkan ejaan dalam SSZA III mempunyai bentuk ejaannya sendiri, iaitu bentuk ejaan yang lebih moden berbanding ejaan dalam Kamus Wilkinson kerana sudah menggunakan huruf saksi/vokal. Seterusnya, ejaan yang digunakan oleh ejaan Jawi Za'ba dan DKBM pula adalah sama iaitu, dieja برجومفا. Ejaan yang digunakan oleh ejaan Jawi Za'ba dan DKBM ini telah menambah huruf vokal pada semua suku kata. Oleh sebab semua suku kata diletakkan huruf vokal, maka ejaan ini termasuk dalam ejaan Lazim.

Berdasarkan SSZA III juga, pengkaji mendapati penulis warkah ini banyak menggunakan huruf saksi/vokal pada suku kata awal sahaja. Penggunaan sistem baris dan lambang vokal pada suku kata awal ini merupakan campuran pengaruh Arab dan Melayu. Jadual 7 berikut adalah contoh perkataan yang terdapat pengaruh Arab dan Melayu:

Jadual 7

Contoh Perkataan Pengaruh Arab dan Melayu

[pu.kul]	فوكل	tiada vokal [و] pada suku kata akhir tertutup
[se.pu.cuk]	سفوچق	tiada vokal [و] pada suku kata akhir tertutup
[pu.la]	فول	tiada vokal [و] pada suku kata akhir terbuka
[satu]	ساة	tiada vokal [و] pada suku kata akhir terbuka
[bo.leh]	بوله	tiada vokal [ي] pada suku akhir tertutup
[o.leh]	اوله	tiada vokal [ي] pada suku kata akhir tertutup
[suatu]	سواة	tiada vokal [و] pada suku kata akhir terbuka

Oleh yang demikian, dapat dilihat sistem ejaan Jawi dalam SSZA III belum mempunyai peraturan yang mantap dalam penggunaan lambang-lambang vokal, namun ia masih ada keselarasan ejaan. Hal ini dapat dilihat pada penulisan lambang vokal yang ada kalanya tidak ditulis bagi menunjukkan lafaz bunyi vokal tersebut. Walau bagaimanapun, perkataan tersebut masih lagi boleh dibaca bagi orang yang sudah mahir dalam sistem tulisan Jawi.

Perubahan Ejaan Tradisi Kepada Ejaan Mengikut Hukum

Menurut Adi Yasran (2010, 79), ejaan Mengikut Hukum ialah ejaan bagi kata Melayu jati berdasarkan kaedah tertentu yang tidak termasuk dalam ejaan Tradisi dan juga ejaan Lazim. Ejaan Mengikut Hukum ini terbahagi kepada lima jenis iaitu:

- i. Derlung
- ii. Luar Derlung
- iii. Ka dan Ga
- iv. Kata Dasar Tiga Suku Kata
- v. Lampau Hukum

Namun begitu, kajian ini, tidak akan membincangkan kelima-lima hukum tersebut kerana data yang dikaji hanya menemui tiga aspek sahaja. Berikut dinyatakan contoh-contoh perkataan yang dieja mengikut ejaan Tradisi tetapi telah berubah kepada ejaan Mengikut Hukum dalam DKBM.

Perubahan Ejaan Tradisi kepada Hukum Derlung

Hukum Derlung ialah hukum yang digunakan bagi mengeja kata Melayu jati dan kata serapan selain Arab/Parsi dalam dua suku kata terbuka yang menggunakan pasangan vokal [a+a]. Jika ejaan suku kata akhir bermula dengan salah satu huruf-huruf Derlung iaitu (د، ر، ل، و، غ) maka dalam ejaannya perlu menggunakan huruf vokal (l) pada kedua-dua suku kata tersebut. (Adi Yasran dan Hashim Musa, 2008).

Jadual 8
 Contoh Perubahan Perkataan daripada Ejaan Tradisi kepada Ejaan

Mengikut Hukum Derlung				
Rumi	SSZA III	Wilkinson	ZA'BA	DKBM
cakerawala	چکروال	چکروال	چکروالا	چکراوالا
tatkala	تتکال	تتکال	تتکل	تتکالا
segala	سکل	سکال	سکل	سکالا

Berdasarkan SSZA III, pengkaji mendapati bahawa perkataan dalam Jadual 8 telah dieja mengikut ejaan Tradisi tetapi dalam DKBM ia telah dieja mengikut Hukum Derlung. Contohnya perkataan *tatkala* telah dieja dengan تتکال dalam SSZA III dan Kamus Wilkinson tetapi dalam ejaan Jawi Za'ba ia dieja تتکل dan dalam DKBM pula dieja dengan تتکالا. Ejaan dalam DKBM telah berlaku penambahan vokal [l] pada kedua-dua suku kata terbuka /a/. Vokal *alif* diletakkan selepas bunyi /ka/ dan /la/ kerana kedua-dua suku kata tersebut merupakan suku kata terbuka /a/ dan huruf *lam* pula merupakan salah satu huruf Derlung. Mengikut hukum ini huruf *alif* hendaklah diletakkan selepas huruf Derlung tersebut.

Perubahan ejaan Tradisi kepada Hukum Luar Derlung

Sistem ejaan Jawi Mengikut Hukum Luar Derlung adalah berdasarkan syarat yang sama seperti Hukum Derlung, kecuali suku kata akhirnya yang dimulai dengan salah satu huruf selain (د، ر، ل، و، غ). Mengikut hukum ini, huruf *alif* tidak diletakkan pada akhir kata kecuali jika berlaku homograf atau mengelakkan kekeliruan seperti puas (فوأس) -puasa (فواسا) (Adi Yasran dan Hashim Musa, 2008).

Jadual 9
 Contoh Perubahan Perkataan daripada Ejaan Tradisi kepada Ejaan Hukum Luar Derlung

Rumi	SSZA III	Wilkinson	ZA'BA	DKBM
bersama-sama	برسما۲	سام	سام	برساما-سام
kerana	کارن	کارن	کران	کران

Jadual 9 menunjukkan ejaan Tradisi dalam SSZA III yang memenuhi syarat ejaan Hukum Luar Derlung. Berdasarkan jadual tersebut, didapati Ejaan Tradisi dalam SSZA III tidak membenarkan dua huruf vokal *alif* hadir dalam dua suku kata yang berurutan. Malah boleh dikatakan bahawa perkataan yang memenuhi syarat Hukum Luar Derlung pada masa kini dieja dengan Ejaan Tradisi, iaitu tanpa *alif* pada akhir kata. Dalam SSZA III perkataan *bersama-sama* telah dieja برسمما^۲ dengan meletakkan vokal *alif* pada suku kata akhir terbuka [a] dan dieja tanpa vokal *alif* pada suku kata terbuka praakhir bunyi [a] serta telah menggunakan simbol angka dua Hindi (2) untuk menandakan kata ganda. Dalam Kamus Wilkinson dan ejaan Jawi Za'ba pula, ejaannya sama dengan DKBM, iaitu menggunakan prinsip ekonomi bagi meminimumkan penggunaan huruf. Hal ini bermakna, prinsip ejaan Jawi Za'ba telah pun digunakan sejak awal abad ke-20 lagi. Berdasarkan ejaan DKBM, ejaan tersebut diklasifikasikan dalam ejaan Mengikut Hukum Luar Derlung. Ejaan Mengikut Hukum Luar Derlung ini digunakan apabila suku kata akhir dan praakhirnya berpola [a+a] yang diikuti oleh huruf selain huruf Derlung pada suku kata akhir. Oleh sebab itu, dalam DKBM ejaan ini diklasifikasikan dalam ejaan Mengikut Hukum Luar Derlung.

Seterusnya, bagi perkataan *karena*, dalam SSZA III dan Kamus Wilkinson ia telah dieja dengan كران. Pengkaji mendapati bahawa ejaannya tidak diletakkan vokal *alif* pada suku kata akhir terbuka bunyi [a], sebaliknya telah meletakkan vokal *alif* pada suku kata pertama. Bagi ejaan Jawi Za'ba dan DKBM perkataan tersebut dieja کران, iaitu dieja tanpa meletakkan vokal pada suku kata pertama. Ejaannya berbeza disebabkan perkataan *karena* telah berubah menjadi 'kerana'. Memandangkan perkataan ini telah berubah menjadi 'kerana', maka perbandingan terhadapnya tidak dapat dilakukan.

Perubahan ejaan Tradisi kepada Kata Dasar Tiga Suku Kata

Menurut hukum ini, bunyi vokal [a] di suku kata pertama terbuka pada kata dasar tiga suku kata atau lebih (bagi kata Melayu jati) biasanya tidak ditulis dengan huruf *alif*. (DKBM, 2008). Contohnya terdapat pada Jadual 10 berikut:

Jadual 10

Contoh Perubahan Perkataan daripada Ejaan Tradisi kepada Ejaan Kata Dasar Tiga Suku Kata

Rumi	SSZA III	Wilkinson	ZA'BA	DKBM
cahaya	چهيا	چهاي	چهيا	چهاي
bahawa	بهوا	بهوا	بهوا	بهوا
paduka	فادک	فدوک	فدوک	فدوک

Berdasarkan Jadual 10, pengkaji mendapati bahawa ejaan kata dasar tiga suku kata yang mempunyai urutan suku kata pertama terbuka [a] dan yang diikuti huruf *ha* pada suku kata kedua dalam SSZA III, dieja tanpa menggunakan huruf vokal *alif*. Tetapi bagi suku kata akhir bunyi [a] pula diletakkan vokal *alif*, seperti perkataan *cahaya* dan *bahawa* yang dieja چهيا dan بهوا. Hal ini menunjukkan bahawa pengejaan kata dasar tiga suku kata [a] berurutan yang diikuti bunyi /ha/ pada zaman tersebut telah dieja secara seragam. Ejaan ini juga telah digunakan dalam ejaan Za'ba. Ini bermakna ejaan Za'ba yang menggunakan prinsip

ekonomi telah digunakan pada awal abad ke-20. Prinsip ini digunakan bagi meminimumkan penggunaan huruf, tambahan pula ejaannya sudah difahami oleh masyarakat pengguna pada zaman itu.

Namun begitu, dalam ejaan Kamus Wilkinson dan DKBM pula, perkataan *cahaya* dieja dengan چهاي, tetapi bagi perkataan *bahawa* ejaan bagi kedua-duanya berbeza, iaitu dalam Kamus Wilkinson ejaannya sama dengan ejaan dalam SSZA III dan Za'ba manakala dalam ejaan DKBM dieja بهوا. Hal ini menunjukkan bahawa ejaan dalam Kamus Wilkinson tidak ada keseragaman kerana ejaan yang terdapat dalam kamus ini berdasarkan perkataan yang dikumpulkan daripada karya kesusasteraan Melayu klasik. Walau bagaimanapun, bagi menyelaraskan ejaan tersebut DKBM telah membuat satu kaedah, iaitu *Pengejaan Kata Dasar Tiga Suku Kata atau Lebih* yang dinamakan sebagai *Hukum Kata Dasar Tiga Suku kata* dalam kajian ini. Hukum ini diambil daripada kaedah 9.3 dalam PUEJBM (DKBM 2008) yang menyatakan bahawa "...bunyi vokal [a] (yang didahului oleh konsonan) di suku kata pertama terbuka pada kata dasar tiga suku kata atau lebih (bagi kata Melayu jati) biasanya tidak ditulis dengan huruf alif...". Contoh perkataan yang termasuk dalam hukum ini ialah **haloba**, **cakera**, **pajeri**, **baginda** dan **gamelan**.

Seterusnya, dalam SSZA III perkataan *paduka* telah dieja فادك. Pada suku kata kedua perkataan itu tidak diletakkan lambang vokal /o/ untuk bunyi /u/ tetapi pada suku kata pertama bunyi /a/ diletakkan lambang vokal /a/. Ejaan ini berbeza dengan Kamus Wilkinson, Za'ba dan DKBM yang telah menggugurkan vokal *alif* pada suku kata pertama untuk mematuhi Hukum Tiga Suku Kata atau Lebih. Ejaan yang digunakan oleh SSZA III masih digolongkan dalam ejaan Tradisi kerana ejaan ini menggunakan sistem baris pada suku kata keduanya dan tidak memenuhi syarat sistem ejaan Lazim ataupun ejaan Mengikut Hukum.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat sedikit perbezaan antara ejaan Tradisi dengan kekecualian yang terdapat dalam kaedah (10) PUEJBM DKBM yang menyenaraikan perkataan yang dikecualikan daripada sistem ejaan yang diterangkan sebelumnya. Perbezaan tersebut adalah pada perkataan فادك dan فادك yang dikeluarkan daripada senarai kerana termasuk dalam ejaan Mengikut Hukum. Selain itu, terdapat enam perkataan baharu telah ditambah pada senarai tersebut, iaitu **dia**, **iaitu**, **manusia**, **manusiawi**, **di** dan **syurga** yang menjadikan jumlah ejaan keseluruhannya ialah 19 perkataan. Daripada 19 perkataan tersebut didapati 12 daripadanya terdapat dalam SSZA III dan ejaannya kekal sehingga sekarang. Hal ini membuktikan bahawa ejaan Tradisi sudah mantap dan turut digunakan dalam urusan rasmi kerajaan khususnya kerajaan negeri Terengganu awal abad ke-20 melalui warkah SSZA III dan tidak perlu diubah lagi.

Selain itu, seperti ejaan Jawi dalam bahasa Melayu Klasik yang lain, terdapat banyak ejaan Tradisi yang telah mengalami perubahan ke arah bentuk yang lebih moden, iaitu dengan penambahan huruf vokal. Ejaan ini telah berubah kepada ejaan Lazim dan ejaan mengikut hukum. Antara ejaan Tradisi yang berubah kepada ejaan Lazim ialah **oleh**, **beroleh**, **serta** dan **pinjam**. Manakala antara ejaan Tradisi yang berubah kepada ejaan Mengikut Hukum pula ialah **segala**, **cahaya**, **tatkala** dan **paduka**. Perubahan yang berlaku ini dapat membantu generasi kini untuk membaca dan menulis Jawi dengan lebih mudah

dan lancar. Di samping itu, perubahan-perubahan yang berlaku pada sistem ejaan Jawi ini boleh dijadikan sumber rujukan untuk masyarakat membaca ejaan Jawi lama. Contohnya, membuat satu modul asas untuk sistem ejaan Jawi lama. Oleh itu, dengan adanya modul ini masyarakat sekarang boleh membaca dan memahami isi kandungan bahan bertulisan Jawi lama dengan mudah. Selain itu, disarankan subjek sistem tulisan Jawi diajarkan di semua universiti kerajaan dan juga di kolej swasta sebagai subjek wajib bagi pelajar Melayu dan elektif bagi pelajar bukan Melayu. Hal ini dapat memberikan pendedahan kepada pelajar untuk mengenali sistem tulisan Jawi. Dengan itu, tulisan ini dapat dikuasai dan terus digunakan secara meluas dalam masyarakat hari ini.

RUJUKAN

- Adi Yasran Abdul Aziz & Nurhidayah Jumaat (2010). Sistem Ejaan Jawi dalam Manuskrip Risalah Hukum Kanun Melaka. *Jurnal Filologi Melayu* 17: 73-91.
- Adi Yasran Abdul Aziz & Hashim Musa (2008). Isu Homograf dan Cabarannya dalam Usaha Pelestarian Tulisan Jawi, *Jurnal Aswara* 3(1): 109-126.
- Adi Yasran Abdul Aziz & Nurhidayah Jumaat (2010). Sistem Ejaan Jawi dan Kosa Kata pada Batu Bersurat Piagam Terengganu *Jurnal Aswara* 5(1): 3-7.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2011). Batu Bersurat Terengganu: Perbandingan Sistem Tulisan Jawi dan Kosa Kata pada Batu Bersurat Piagam Terengganu dengan Manuskrip Undang-undang Melaka dan Kedah.
- Amat Juhari Moain (1996). *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar (1991). *Bahasa Melayu Abad ke- 16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqa'id al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. (2009). *Rahsia Ejaan Jawi Edisi Ejaan Rumi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi* (Edisi Kedua) (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi*. (Edisi Pertama) (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdan Abd Rahman (2014). *Panduan Menulis dan Mengeja Jawi. Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa (2006). *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa (2006). *Epigrafi Melayu: Sejarah Sistem Tulisan dalam Bahasa Melayu* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Dahaman (1991). Transliterasi Jawi kepada Rumi. *Jurnal Dewan Bahasa*, 46- 57.
- Khazriyati Salehuddin (2012). Penilaian ke Atas Kerumitan Kognitif dalam Proses Membaca Jawi. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 1179-1190.
- Matlob (2003). *Modul Cekap Jawi*, Siri 4 dan 5. Kuala Lumpur. Penerbitan Matlob.
- Mohd. Alwee Yusoff (2005). Perkembangan Tulisan Jawi dan Aplikasinya dalam Masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 21, 23-38.
- Mohamed Anwar Omar Din (et. al) (2011). *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.

- Mahpol, S. (2002). Penguasaan tulisan jawi di kalangan pelajar Melayu: Suatu kajian khusus di UiTM cawangan Kelantan. Universiti Malaya: Tesis Sarjana
- Mohd Hussien Baharuddin. (2002). *Sistem Tulisan Jawi*. Batu Caves: Pustaka Wira.
- Muhammad Bukhari Lubis (peny.) (et. al) (2006). *Tulisan Jawi Sehimpun Kajian*. Universiti Teknologi MARA, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Pedoman Ejaan Jawi Bahasa Melayu* (1996). Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi* (2008). Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Utusan Malaysia, (Februari 18, 2012). Tahap kuasai jawi membimbangkan Arkib Utusan Online. (Atas Talian) Muat turun 25 Mac 2012, dari http://202.190.126.92/utusan/info.asp?y=2012&dt=0219&pub=Utusan_Malaysia
&sec=Timur&pg=wt_01.htm
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (1949). *Daftar Ejaan Melayu: Jawi-Rumi*. Tanjung Malim: Pejabat Karang Mengarang S.I.T.C.